



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI DR RONALD KIANDÉE  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN  
PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN INDUSTRI  
TUNA 2021 – 2030**

**dan**

**PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN INDUSTRI  
TUNA LAUT CHINA SELATAN, LAUT SULU, DAN  
LAUT SULAWESI 2021 - 2030**

**JABATAN PERIKANAN MALAYSIA**

**22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**DORSETT GRAND LABUAN, W.P. LABUAN**

Terima kasih Saudara pengacara majlis.

**SALUTASI**

**YANG BERUSAHA TUAN AHMAD TARMIDZI BIN RAMLY,**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Perikanan Malaysia

**YANG BERUSAHA MAZLAN BIN OTHMAN,**  
Setiausaha Bahagian Industri Tanaman, Ternakan dan Perikanan MAFI

**YANG BERUSAHA MOHD. MOHTAR BIN MAHAMUD**  
Timabalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

**YANG BERUSAHA KUSUADI BIN SALLIH,**  
Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan  
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

**YANG BERUSAHA ENCIK GODFREY KISSEY,**  
Pengarah  
Jabatan Perikanan Sabah

**YANG BERUSAHA ENCIK FAIZAL IBRAHIM BIN SUHAILI,**  
Pengarah  
Pejabat Perikanan WP Labuan

**Pegawai-Pegawai Kanan MAFI**

**Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi,**

**Wakil Persatuan Pengusaha Tuna Malaysia,**

**Pengusaha-pengusaha tuna dan para nelayan,**

**Rakan-rakan media,**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

1. Pertamanya, saya menzahirkan rasa syukur dapat kita sama-sama hadir di **Majlis Pelancaran Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna 2021 – 2030 dan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna Laut China Selatan, Laut Sulu dan Laut Sulawesi 2021 – 2030.**

2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan **setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir dan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Induk Majlis khususnya Pengurusan Tertinggi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF)** selaku penganjur majlis kita pada pagi ini.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

3. Sebagaimana yang kita sedia maklum, industri perikanan tuna di Malaysia sedang berkembang dan membangun sebagai salah satu sumber kekayaan baharu negara. MAFI melalui DOF sememangnya terus komited dalam memajukan industri tuna di negara ini.

4. Bagi tahun 2021, sehingga **Oktober 2021, hasil pendaratan tuna Malaysia** secara keseluruhan adalah **71,445 tan metrik** dengan nilai **RM637 juta ringgit**. Untuk rekod, sehingga **November 2021, sebanyak 21 buah vesel tuna C3** iaitu **20 buah vesel penangkapan ikan tuna** dan **sebuah vesel carrier tuna** telah dilesenkan dan beroperasi di **Lautan Hindi**.

5. Kerajaan menggalakkan sehingga **70 buah vesel penangkapan ikan tuna berbendera Malaysia beroperasi di Lautan Hindi menjelang tahun 2030**. Ini adalah bagi **membolehkan kuota pendaratan ikan tuna oleh Malaysia di Lautan Hindi sebanyak 30 ribu tan metrik tercapai**.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

6. Kita sedia maklum, Lautan Hindi antara perairan yang kaya dengan sumber ikan tuna di dunia. Perairan ini dikawal selia oleh **Indian Ocean Tuna Commission (IOTC)**. **Malaysia telah diterima menjadi negara ahli IOTC sejak 22 Mei 1998**. Sebagai salah sebuah negara yang terletak di dalam perairan Lautan Hindi, adalah menjadi kelebihan kepada Malaysia untuk mengeksploitasi sumber tuna oseanik di Lautan Hindi.

7. Walaupun Sabah dan Labuan terletak di sebelah Malaysia Barat, hasil tangkapan tuna di laut China Selatan, Laut Sulu dan Laut Sulawesi perlu diberikan perhatian, diurus dan dieksploitasi dengan baik **bagi meningkatkan pendaratan tuna dan hasil ekonomi nelayan tempatan.**

8. Malaysia juga berhasrat untuk menjadi ahli *Western and Central Pacific Fisheries Commission (WCPFC)*, iaitu sebuah lagi organisasi pengurusan perikanan antarabangsa yang menguruskan sumber tuna di sebelah Lautan Pasifik. **Dengan penyertaan dalam WCPFC kelak, Malaysia boleh merencanakan industri tuna, meningkatkan lagi hasil pendaratan tuna dan seterusnya membangunkan industri laut dalam dan tuna** dengan meningkatkan pendaratan sektor perikanan dan jaminan sekuriti makanan negara serta menggalakkan penglibatan pengusaha industri laut dalam dan tuna di sepanjang rangkaian industri sekaligus meningkatkan daya saing dan pendapatan kumpulan sasar.

9. Bagi terus memperkasa sektor perikanan negara, MAFI juga telah melancarkan **Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0)**, yang bertujuan antara lainnya untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat selain mengutamakan sekuriti serta nutrisi makanan negara. DAN 2.0 juga mendukung aspirasi dan hala tuju sektor agromakanan negara untuk lebih mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi.

10. Selain DAN 2.0, **galakan penerokaan perikanan laut dalam menerusi pemodenan vesel** merupakan antara usaha yang sedang dilaksanakan oleh MAFI melalui DOF di bawah **Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2030 (Pelan DSMN)** untuk memastikan jaminan bekalan makanan sumber protein yang berterusan.

11. Bagi tujuan ini, **Kerajaan juga telah memperuntukkan Dana Pembiayaan untuk Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan sebanyak 150 juta ringgit** dengan agihan **100 juta ringgit untuk Zon A dan Zon B**, manakala **50 juta ringgit untuk perluasan skop Zon C dan C2 di bawah Agrobank**. Sehingga kini, terdapat 265 permohonan dengan **nilai pembiayaan 108 juta ringgit telah diperakui di peringkat DOF**. Daripada jumlah pembiayaan tersebut, **92 juta ringgit adalah untuk pembiayaan program pemodenan** manakala **16 juta ringgit lagi untuk pembiayaan program mekanisasi**.

12. Di bawah **Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)** pula, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **14 juta ringgit kepada DOF untuk menjalankan Projek Pembangunan Perikanan Komersial Laut Dalam dan Tuna** bagi meningkatkan usaha pendaratan dan penglibatan pemain industri serta nilai tambah perikanan laut dalam dan tuna.

13. Dengan inisiatif ini, pengurusan dan kawalan perikanan komersial dapat dipertingkatkan menerusi platform digital, peningkatan kepada pematuhan antarabangsa, peningkatan fasiliti pendaratan dan pengendalian hasil perikanan serta peningkatan produk perikanan laut dalam dan tuna.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

14. Saya yakin, perairan kita mempunyai sumber tuna yang banyak dan masih belum dieksploitasi sepenuhnya. Dalam hal ini, saya menyeru para pemain-pemain industri, samada yang telah sedia ada terlibat dalam aktiviti perikanan tuna, atau yang sedang dalam perancangan, **untuk melihat peluang pelaburan di Sabah dan Labuan dengan membuka kilang dan mengusahakan vesel tuna, serta menjadikan Labuan sebagai Hab Tuna untuk pasaran ke Semenanjung Malaysia dan luar negara.**

**Para hadirin yang dikasihi.**

15. Di kesempatan ini, saya sekali lagi merakamkan ucapan tahniah kepada DOF dan Jabatan Perikanan Sabah kerana telah berjaya **memuktamadkan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna 2021-2030 dan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna Laut China Selatan, Laut Sulu dan Laut Sulawesi 2021 – 2030** yang selaras dengan hasrat DAN 2.0.

16. **Enam teras utama** yang telah diberi perhatian khusus di dalam Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna ini adalah:

- (a) **Pertama, TERAS 1:** Pematuhan Instrumentasi Domestik Dan Antarabangsa Perikanan Laut Dalam Dan Tuna;
- (b) **Kedua, TERAS 2:** Pembangunan Spesifikasi Vesel Dan Peralatan Serta Penetapan Kuota Tuna;
- (c) **Ketiga, TERAS 3:** Pembangunan Dan Peningkatan Teknologi Perikanan Tuna;

- (d) **Keempat, TERAS 4:** Pembangunan Sistem Pengurusan, Kawalan, Dan Profil Industri Perikanan Tuna;
- (e) **Kelima, TERAS 5:** Peningkatan Kapasiti Pengawalseliaan Perikanan Tuna; dan
- (f) **Keenam, TERAS 6:** Peningkatan Kualiti Pasca Tuai Dan Nilai Tambah Perikanan Tuna.

17. Pelan strategik ini **mensasarkan *outcome* yang kompetitif** bagi memastikan pembangunan industri tuna negara dapat dilaksanakan dengan lebih komprehensif iaitu melalui:

- (a) **Pertambahan bilangan vesel laut dalam dan tuna yang beroperasi di Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia dan laut lepas;**
- (b) **Peningkatan pendaratan tuna di Malaysia kepada 150,000 tan metrik;**
- (c) **Pembangunan vesel moden perikanan laut dalam dan tuna secara bersepadu, pematuhan resolusi domestik dan antarabangsa kepada sekurang-kurangnya 85%; dan**
- (d) **Peningkatan pasaran produk berasaskan tuna yang bernilai tinggi di peringkat domestik dan antarabangsa.**

18. Manakala, bagi Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna Laut China Selatan, Laut Sulu dan Laut Sulawesi, beberapa **objektif utama pelan ini adalah:**

- (a) **Pertama, meningkatkan** pendaratan tuna dari perairan Laut China Selatan, Laut Sulu dan Laut Sulawesi;
- (b) **Kedua, memangkin** pembangunan industri tuna melalui pelaburan swasta;
- (c) **Ketiga, membangunkan** industri perikanan tuna secara mapan dan memenuhi piawaian antarabangsa;
- (d) **Keempat, membangunkan** modal insan dalam perikanan tangkapan dan pemprosesan tuna; dan
- (e) **Kelima, memantapkan** sistem pengembangan dan pembangunan teknologi.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

19. Sudah tentu **kedua-dua pelan ini tidak akan akan berjaya tanpa pelaksanaan yang efektif, berkesan dan sasaran spesifik supaya memberi impak yang lebih besar dalam kesejahteraan Keluarga Malaysia.** Dalam hal ini, saya yakin DOF akan melaksanakan kesemua strategi dan inisiatif yang telah digariskan di bawah kedua-dua pelan ini mengikut tempoh pelaksanaan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.

20. Pada masa yang sama, kerjasama dan komitmen **semua pihak juga diperlukan** termasuk pegawai-pegawai kementerian, jabatan, agensi, pemain industri, sektor swasta dan para nelayan. Ia penting bagi memastikan industri tuna dalam sektor perikanan dapat terus berkembang maju di negara kita serta dapat dimanfaatkan oleh semua pihak. Apatah lagi manfaat yang bakal diperolehi tidak hanya terhad kepada aktiviti penangkapan ikan tuna sahaja, **tetapi pelbagai perkhidmatan lain di sepanjang rantai nilai industri tuna boleh dibangunkan termasuk pelabuhan, pengangkutan, penyimpanan, pemprosesan dan lain-lain.**

21. Dengan kata-kata itu, saya dengan sukacitanya merasmikan **PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN INDUSTRI TUNA 2021 – 2030 dan PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN INDUSTRI TUNA LAUT CHINA SELATAN, LAUT SULU, DAN LAUT SULAWESI 2021 - 2030** JABATAN PERIKANAN MALAYSIA.

Sekian, terima kasih.